

Bil. S 10

**AKTA PENYEMAKAN UNDANG-UNDANG
(PENGAL 1)**

PERINTAH PENYEMAKAN UNDANG-UNDANG BIL. 1 TAHUN 2009

SUSUNAN PERENGKAN-PERENGKAN

Perenggan

1. Gelaran dan permulaan kuatkuasa.
2. Pengeluaran dan penggantian mukasurat-mukasurat.

JADUAL

**AKTA PENYEMAKAN UNDANG-UNDANG
(PENGAL 1)**

PERINTAH PENYEMAKAN UNDANG-UNDANG BIL. 1 TAHUN 2009

Pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh bab-bab 5(1) dan (2) dari Akta Penyemakan Undang-Undang, maka Peguam Negara dengan ini membuat Perintah yang berikut —

Gelaran dan permulaan kuatkuasa.

1. Perintah ini boleh digelar sebagai Perintah Penyemakan Undang-Undang Bil. 1 tahun 2009 dan hendaklah mula berjalan kuatkuasanya pada tarikh Perintah ini dibuat.

Pengeluaran dan penggantian mukasurat-mukasurat.

2. (1) Pengeluaran dari Undang-Undang adalah dengan ini diarahkan bagi mukasurat-mukasurat yang dinyatakan dalam ruang ketiga Bahagian A Jadual di bawah ini merujuk kepada undang-undang bertulis yang dinyatakan dalam ruang-ruang pertama dan kedua dan tertera di mukasurat depannya atau di mukasurat sebelahnya tulisan yang dinyatakan dalam ruang keempat.

(2) Pemasukan dalam Undang-Undang adalah dengan ini dibenarkan, bagi menggantikan mukasurat-mukasurat yang diarahkan untuk dikeluarkan di bawah perenggan kecil (1), bagi mukasurat-mukasurat yang dinyatakan dalam ruang ketiga Bahagian B Jadual di bawah ini merujuk kepada undang-undang bertulis itu dan tertera di mukasurat depannya atau di mukasurat sebelahnya tulisan yang dinyatakan dalam ruang keempat.

JADUAL (perenggan 2)

BAHAGIAN A

Penggal	Tajuk	Mukasurat-mukasurat	Tulisan
2	Akta Pengenaan Undang-Undang	1 hingga 4	B.L.R.O. 1/2001

BAHAGIAN B

Penggal	Tajuk	Mukasurat-mukasurat	Tulisan
2	Akta Pengenaan Undang-Undang	1 hingga 4	B.L.R.O. 1/2009.

WARTA KERAJAAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

Diperbuat pada hari ini 26 haribulan Rabiulawal, Tahun Hijrah 1430 bersamaan dengan 23 haribulan Mac, 2009.

DATO SERI PADUKA AWANG HAJI KIFRAWI BIN
DATO PADUKA HAJI KIFLI
Peguam Negara,
Negara Brunei Darussalam.